

# 41 kakitangan UMS-KAL hadiri Kursus Asas Pertolongan Cemas<sup>B4</sup>

LABUAN: Seramai 41 kakitangan Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) sedang menghadiri Kursus Asas Pertolongan Cemas di Bilik Mesyuarat Eksekutif, Tingkat 11, Bangunan Menara UMS-KAL selama dua hari bermula kelmarin.

Mereka mewakili pensyarah, pegawai dan kakitangan sokongan serta pelajar UMS-KAL menyertai kursus anjuran bersama Bahagian Pentadbiran UMS-KAL dan Sektor Pembangunan Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar UMS.

Kursus dua hari itu dikendalikan Pakar

Anaesthesiology yang juga Pensyarah Perubatan, Sekolah Perubatan UMS Kota Kinabalu, Dr Rajesh Kumar Muniandy.

Ianya bertujuan untuk melatih seramai mungkin warga kampus dalam bidang asas pertolongan cemas, memberi kefahaman tentang teknik betul semasa memberi pertolongan cemas dan meningkatkan keyakinan peserta semasa memberi bantuan awal kecemasan.

Peserta didedahkan dengan pengenalan kepada pertolongan cemas, anatomi tubuh, amali, tayangan video, renjatan, keracunan, terbakar dan sesi soal jawab.



**GAMBAR KENANGAN... Dr Rajesh (duduk, 4 kanan) bersama kakitangan dan pelajar UMS-KAL yang menghadiri Kursus Asas Pertolongan Cemas, kelmarin.**